



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN  
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia ( LPIPM/CIDB ) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku yang **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** serta **beralamat di dalam Negeri Kedah** sahaja dibenarkan dalam membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. DAFTAR TAWARAN	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK
1.	MPLBP /SBT/28/2022	CADANGAN MEMBINA BANGUNAN 2 TINGKAT DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI TAPAK SEMAIAN MPLBP, MK KUAH, MP LANGKAWI.  GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : B04 & CE21	LOKASI : PEJABAT SETOR JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN, KG. BELANGA PECHAH, MK. KUAH.
2.	MPLBP /SBT/29/2022	CADANGAN MENAIKTARAF BANGUNAN PEJABAT MPLBP DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN, MK. KUAH, MP LANGKAWI.  GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : B04 & CE21	TARIKH : 01 JUN 2022 (RABU) MASA : 10.00 PAGI  TARIKH TUTUP : 08 JUN 2022
3.	MPLBP /SBT/30/2022	CADANGAN MENAIKTARAF TAPAK JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN MPLBP DI BELANGA PECHAH DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN, MK. KUAH, MP LANGKAWI.  GRED : G2 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN : CE21	HARGA BORANG : RM 50.00

2. Borang sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** pada ketetapan masa seperti berikut :-

Tarikh Mula Di Jual : 01 Jun 2022 – 08 Jun 2022  
Ahad – Rabu : 08.00 Pagi – 03.30 Petang  
Khamis : 08.00 Pagi – 02.30 Petang

3. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri **30 MINIT SEBELUM MASA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIMULAKAN**. Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.
4. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **08 JUN 2022 (RABU) Jam 12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran. Borang Sebut harga yang lewat dihantar berkait apa jua alasan adalah tidak dilayan.
6. Pematuhan ke atas **SOP Endemik Covid-19** yang berkuatkuasa ketika ini adalah wajib di patuhi dan **pemakaian pelitup separuh muka adalah digalakkan**. Kontraktor yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai sesi lawatan tapak dan sebut harga ini.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menandatangani amanah,

**b.p : Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Langkawi  
Bandaraya Pelancongan

